

Ambil tindakan lebih keras kontraktor lambat siapkan projek

Kuala Lumpur: Kementerian Kerja Raya (KKR) perlu mengambil sikap lebih keras terhadap kontraktor yang sambil lewa dan lambat menyiapkan projek, tegas Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana Menteri berkata, tindakan itu perlu bagi memastikan setiap projek yang dirancang dapat disiapkan mengikut jadual.

Katanya, pemantauan bertetapan dan menyeluruh perlu dibuat ke atas setiap projek di

seluruh negara, selain tindakan perlu terus diambil jika kontraktor dikenal pasti gagal mematuhi jadual pembinaan.

“Jangan tunggu hingga (projek) selesai. Kita kena ambil sikap lebih keras terhadap kontraktor kalau asyik sambil lewa dan lambat untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual.

“Di peringkat negeri, sama ada Sabah, Sarawak, Perlis atau

Kelantan. Bagi memastikan projek dijalankan mengikut jadual, kadang-kadang saudara lebih mengerti apa yang diperlukan di lapangan daripada perancangan di peringkat atasan.

“Jadi pegawai yang turun ke bawah, sebab itu kita ambil kampung angkat Sejati MADANI kerana tidak mahu ‘disconnect’ antara Kuala Lumpur dengan Ceruk Tok Kun, Pulau Pinang,” katanya di sini, semalam.

Dalam pada itu, Anwar meminta ketua setiausaha setiap kementerian memberi ruang kepada pegawai termasuk kakitangan sokongan untuk memberi maklum balas mengenai bentuk pembangunan diperlukan di lapangan.

Beliau berkata, maklum balas itu tidak hanya terhad kepada bentuk projek yang mahu diketengah, sebaliknya turut mengambil kira cadangan yang ma-

hu diutarakan kakitangan berkenaan.

“Kadang-kadang kita kata mahu bina sekolah, projeknya lulus tetapi apabila turun ke lapangan, dia (kakitangan) tengok jalan teruk. Ini tak masuk dalam projek. Jadi, beri ruang kepada pegawai di peringkat rendah beri pandangan.

“Dengan cara ini, kita bekerja sebagai pasukan,” katanya yang juga Menteri Kewangan.